



**UCAPAN ALUAN OLEH
YB PUAN YEO BEE YIN
MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR 2019
Pada 19 Oktober 2019 (Sabtu)
Di Taman Pudu Ulu, Cheras
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Salam Sejahtera.

Terima kasih Tuan Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad
Menteri Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Datuk Ibrahim bin Yusoff
Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi)
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Yang Berusaha Dr. Nagulendran Kangayatkarasu
Timbalan Ketua Setiausaha MESTECC

Yang Berusaha Puan Norlin Bt. Jaafar
Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar

Yang berbahagia Tan Sri, Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur kerana kita dapat kita berkumpul di Majlis Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar 2019 pada hari ini di Taman Rekreasi Pudu Ulu yang indah ini.
4. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad di atas kesudian beliau untuk hadir merasmikan majlis kita pada hari ini dan juga kepada YBhg. Dato' Nor Hisham bin A Dahlan Datuk Bandar Kuala Lumpur kerana turut hadir bersama dalam majlis ini. Terima kasih juga kepada YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang sudi meluangkan masa hadir bagi memeriahkan lagi majlis kita ini.
5. Tidak ketinggalan di sini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan, tahniah dan terima kasih saya dan Jabatan Alam Sekitar kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pihak MESTECC, rakan strategik JAS dalam pelaksanaan program alam sekitar, semua ahli Jawatankuasa Kerja dan semua agensi-agensi yang memberikan sokongan padu dalam menjayakan majlis ini.

Tema dan aktiviti Hari Alam Sekitar Negara (HASN)

Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan sekalian,

6. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) peringkat kebangsaan diadakan pada 21 Oktober setiap tahun oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pelbagai jabatan/ agensi/ rakan strategik yang berkaitan. Sambutan HASN adalah bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran awam mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
7. Tema sambutan HASN tahun ini dikekalkan seperti tahun sebelum ini iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama". Sambutan tahun ini dijangka akan melibatkan seramai 5,000 orang yang terdiri dari agensi kerajaan, rakan-rakan strategik alam sekitar, sektor swasta, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan

sekolah, sektor industri, badan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat dan yang paling penting, orang awam.

8. Aktiviti utama (*signature event*) sempena sambutan HASN 2019 di seluruh negara akan berfokuskan kepada program/ kempen hindari plastik sekali guna bermula 17 September hingga 19 Oktober 2019, pengumpulan buangan elektrik dan elektronik dari isi rumah (*household e-waste*) serta program penanaman pokok.
9. Antara program dan aktiviti lain yang akan dilaksanakan pada hari sambutan HASN 2019 adalah penganugerahan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) sesi 2018/ 2019 yang mendapat kerjasama dari Yayasan Bank Rakyat (YBR); *Enviro-race*, pengumpulan *household e-waste*; penganugerahan juara pentomin peringkat sekolah rendah; demonstrasi ujian asap kenderaan dan bunyi bising dari kenderaan, pameran berkaitan alam sekitar, khutbah jumaat berkaitan alam sekitar, pemeriksaan kesihatan, kempen derma darah dan lain-lain program yang berkaitan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Untuk makluman, Objektif Sambutan Hari Alam Sekitar pada setiap tahun adalah untuk:
 - i. Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas;
 - ii. Menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar;
 - iii. Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan signifikan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
 - iv. Membudaya dan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna

Para hadirin sekalian,

11. Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Penyedut Minuman Plastik telah dilancarkan pada tahun 2018 sejajar dengan inisiatif kami di Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk menangani plastik sekali guna ini dengan menggalakkan industri plastik untuk beralih kepada produk yang mesra alam. Ini akan memastikan industri dapat terus berkembang dengan mengadaptasi teknologi hijau, dan pada masa yang sama dapat memelihara alam sekitar.
12. *The Journal of Science* 2015 melaporkan tentang hasil kajian ke atas 192 negara yang bersempadan dengan laut pada tahun 2010 mendapati 275 juta tan plastik dihasilkan. Dari jumlah ini sebanyak 99.5 tan sisa plastik mencemari pantai, 31.9 juta tan sisa plastik tidak diuruskan dengan baik dan dianggarkan 4.8 hingga 12.7 juta tan memasuki laut. Ini merupakan jumlah yang besar. Sekiranya keadaan ini tidak dikawal, pencemaran laut oleh plastik akan terus meningkat secara drastik dan menjejaskan ekosistem laut.
13. Sehubungan dengan itu, bersempena Majlis Sambutan HASN 2019 ini, marilah kita mengambil inisiatif untuk mempromosikan kempen ini dengan mewar-warkan kempen ini ke arah mencapai kelestarian alam sekitar. Usaha ini mungkin kecil tetapi akan memberi impak yang cukup besar kepada pewaris pemacu Negara pada masa akan datang kerana acuan hari ini penentu kepimpinan pada hari esok.

Aktiviti Pengumpulan 'Household E-Waste' iaitu Buangan Elektrikal Dan Elektronik

Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Aktiviti pengumpulan 'household e-waste' iaitu buangan elektrikal dan elektronik yang telah rosak/ tidak berfungsi, yang tidak digunakan lagi dan perlu dilupuskan adalah salah satu acara yang dijalankan semasa Sambutan Hari Alam Sekitar tahun ini.
15. Jabatan Alam Sekitar telah mula melaksanakan aktiviti ini sejak tahun 2013 lagi.

Objektif Program Pengumpulan Household e-waste tersebut adalah untuk:

- i. Meningkatkan kesedaran orang awam akan tanggungjawab terhadap buangan e-waste dari isi rumah yang dimiliki.
 - ii. Memastikan e-waste yang terkumpul dari isi rumah dikendalikan oleh kemudahan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar secara selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar; dan
 - iii. Mewujudkan jaringan kerjasama bersama semua lapisan masyarakat dan pihak berkepentingan dalam pengendalian e-waste dari isi rumah.
16. Antara contoh 'household e-waste' yang boleh diterima adalah televisyen, penyaman udara, mesin basuh, peti sejuk, komputer, telefon bimbit dan 'small appliances' seperti radio and sistem audio, DVD/VCD player, kamera digital, kamera video, printer, scanner, mesin faks, modem and router, periuk nasi, microwave oven, cerek elektrik, blender, kipas, seterika, vacuum cleaner, pengering rambut, pemanas air **tidak termasuk** lampu kalimantang dan bateri.
17. Bagi memudahkan tuan-tuan dan puan-puan menghantar 'house e-waste' tersebut, tong-tong pengumpulan e-waste ada disediakan disekitar tapak majlis ini.

Kempen Penanaman Pokok

Hadirin sekalian,

18. Sama ada kita sedar ataupun tidak, kesan akibat dari pembangunan tidak teratur yang hanya menekankan faktor keuntungan semata-mata telah menyebabkan hutan belantara yang merupakan penyumbang utama udara segar yang kita hirup setiap saat kini hanya tinggal tanah gersang yang akan dipenuhi hutan konkrit.
19. Dalam hubungan ini, pokok yang telah hilang perlu diganti melalui penanaman pokok baru. Demi menyahut seruan Yang Amat berhormat Perdana Menteri yang mengingatkan agar kita semua bahawa menanam pokok yang tidak hanya penting bagi persekitaran kita, tetapi juga secara langsung menyumbang kepada

peningkatan kualiti alam sekitar dunia.

20. Pada hari ini kita akan meneruskan momentum kempen penanaman pokok ini agar kesedaran ini akan berkembang dalam kalangan masyarakat untuk generasi akan datang. Saya difahamkan pihak penganjur ada mengedarkan kira-kira 300 batang pokok kepada pengunjung yang hadir sebagai simbolik kempen ini. Semoga kita akan melahirkan lebih ramai pencinta alam menerusi program seperti ini.
21. Tugas untuk menjadikan Malaysia negara yang indah bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata, malah ia adalah tanggungjawab bersama semua pihak. Oleh itu, saya menyeru pihak swasta, pekilang, pemaju, sektor korporat dan orang perseorangan untuk tampil ke hadapan membantu usaha kerajaan untuk memastikan alam sekitar terus terpelihara.

Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

22. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru para hadirin sekalian agar dapat menyertai semua program dan acara yang telah diaturkan dalam Hari Alam Sekitar Negara 2019 ini. Harapan saya agar kita dapat bersama-sama menjaga kesejahteraan dan kelestarian alam sekitar kerana hanya ada satu Anugerah Tuhan yang perlu kita hargai bersama.
23. Sebagai khalifah di bumi ini, marilah kita bersama menjalankan tanggungjawab kita untuk memelihara alam sekitar. Justeru itu, kita perlu memikirkan langkah-langkah yang terbaik yang boleh dilakukan dalam menangani permasalahan alam sekitar agar kesihatan dan kualiti persekitaran kita akan menjadi lebih baik untuk kesejahteraan generasi kini dan generasi akan datang.

Akhir kata Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Negara 2019.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”.

Sekian, Terima kasih.